



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS  
International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE  
NAME

CENTRE  
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE  
NUMBER

--	--	--	--

\* 7 6 1 9 2 5 5 0 1 5 \*

**MALAY**

**0546/02**

Paper 2 Reading and Directed Writing

**May/June 2007**

**1 hour 30 minutes**

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

---

**READ THESE INSTRUCTIONS FIRST**

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

**DO NOT WRITE IN ANY BARCODES.**

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3**.

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [ ] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Section 3	
Total	

---

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.




**Bahagian 1****Latihan 1 Soalan 1-5**


Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

- 1** Nenek Sharmila tidak nampak semasa membaca. Dia memerlukan...


A	
---	--




B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--



[1]

- 2** Kucing Michael sakit. Dia membawa kucing itu ke...

A	
---	--

klinik gigi.

B	
---	--

dewan bahasa.

C	
---	--

klinik haiwan.

D	
---	--

dewan sukan.

[1]

- 3** John mahu meminjam buku. Dia pergi ke...

A	
---	--

pejabat pelancongan.

B	
---	--

hospital.

C	
---	--


perpustakaan.

D	
---	--

bank.

[1]

- 4 Anda nampak iklan ini dalam sebuah majalah. Iklan ini ialah mengenai...



A  jualan murah.

B  tempat percutian.

C  taman perumahan.

D  pekerjaan masa cuti.

[1]

- 5 Anda pergi ke sebuah restoran. Anda suka makan makanan pedas, jadi anda pilih makanan ini...

A  sambal ikan.

B  sayur campur.

C  ayam goreng.

D  bubur.

[1]

[Jumlah: 5 markah]

**Latihan 2 Soalan 6-10**

Beberapa orang pelajar bercakap mengenai apa yang mereka buat semasa cuti sekolah. Padangkan gambar dengan nama pelajar-pelajar ini.

Samad:      Semasa cuti sekolah saya berkhemah di tepi laut.

Halim:      Saya mendaki bukit dengan keluarga saya.

Raju:      Saya main permainan komputer dengan adik saya.

Amran:      Saya pergi ke rumah nenek saya dan menolongnya menyiram pokok.

Leong:      Saya bercuti di sebuah negara yang sejuk. Saya bermain salji.

Amin:      Sukan kegemaran saya ialah berenang. Saya selalu berlatih berenang di kolam renang.

**Padankan gambar dengan nama pelajar.**


**6**



.....

[1]

**7**



.....

[1]


**8**



.....

[1]


**9**



.....

[1]

**10**



.....

[1]

[Jumlah: 5 markah]

**Latihan 3 Soalan 11-15**

Baca iklan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya:

## Lawatan Menarik Ke Kuala Lumpur

Satu peluang untuk melihat tempat-tempat yang paling menarik di ibu kota yang indah ini. Lawatan ini berlangsung selama 3 jam dan membawa anda ke Mesjid Jamek, Istana Di Raja, Pasar Seni sebelum berhenti di Muzium Negara. Tempat perhentian terakhir ialah Kompleks Budaya dan Kraftangan di mana anda berpeluang untuk melihat pelukis-pelukis tempatan dengan seni mereka.

Harga	Dewasa	Kanak-kanak	Bayi
	RM 10.50	RM 5.50	Percuma

**Tarikh:** Hari Isnin hingga Hari Ahad

Sila ambil perhatian: Lawatan ini tidak akan dilangsungkan pada hari-hari cuti awam.

**Waktu:** Bas pelancongan akan menjemput anda dari hotel anda antara jam 08.45 dan 09.00 pagi.

**Termasuk dalam harga ini:**

- Bas berhawa dingin
- Bayaran masuk

**Jangan lepaskan peluang menarik ini!!!**

**Tandakan betul atau salah.**

11 Dalam masa sejam sahaja anda boleh melawat semua tempat-tempat penting.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
--------------------------	--------------------------	-----

12 Lawatan ini tamat di Kompleks Budaya dan Kraftangan.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
--------------------------	--------------------------	-----

13 Orang dewasa dan kanak-kanak dikenakan bayaran yang sama.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
--------------------------	--------------------------	-----

14 Lawatan ini ditawarkan setiap hari sepanjang tahun.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
--------------------------	--------------------------	-----


15 Anda tidak perlu bayar untuk masuk ke muzium.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
--------------------------	--------------------------	-----


[Jumlah: 5 markah]

**Latihan 4 Soalan 16**


- 16 Kawan anda akan melawat anda. Lihat gambar-gambar ini dengan teliti dan beri arah jalan ke rumah anda dalam bahasa Melayu.




bas nombor berapa dia harus naik



pada pukul berapa



di mana dia harus berhenti



[Jumlah: 5 markah]

**Latihan 1 Soalan 17-23**

Baca laporan berikut ini dan jawab soalan-soalannya:

## KANAK-KANAK LIMA TAHUN DIJUMPAI SELAMAT

Johore Bharu: Seorang kanak-kanak yang berumur lima tahun, Nora Usman, telah dijumpai oleh keluarganya selepas ia dilaporkan hilang selama lima jam. Nora telah terpisah daripada ibu-bapanya apabila mereka membeli-belah di sebuah pasar malam pada hari Selasa. Bapa Nora, Encik Usman Yahaya serta isterinya, Puan Munah Ali, telah membuat laporan kepada polis mengenai kehilangan anak mereka.

Mereka sangat khuatir apabila mereka dapati bahawa Nora tidak bersama mereka semasa mereka berjalan pulang ke kereta. Mereka terus mencari-cari Nora di kawasan pasar malam itu sambil bertanya kepada orang ramai. Nora pada masa itu memakai seluar panjang berwarna kelabu serta baju tangan pendek berwarna hitam dan berbunga putih. Rambutnya yang panjang diikat dengan reben berwarna merah.

Selepas puas mencari dan tidak berjumpa dengan Nora, mereka terus membuat laporan di balai polis.

Kedua-dua ibu-bapa itu disuruh pulang dan polis terus pergi mencari Nora di kawasan pasar itu. Puan Munah tidak mahu pulang kerana masih mahu mencari anak tunggalnya itu dan dia terus mengikut polis.

Semasa mereka pulang ke gerai-gerai yang sudahpun tutup di kawasan pasar malam itu, Puan Munah terdengar seekor kucing mengiau. Dia tahu bahawa Nora memang suka kucing. Dia terus pergi ke sebuah gerai yang sudah ditutup dan ternampak Nora sedang tidur nyenyak. Dia telah mengikut kucing itu ke arah itu dan bermain dengan kucing itu sehingga tertidur.

Puan Munah dan Encik Usman sangat bersyukur kerana Nora selamat.

17 Berapa lamakah Nora hilang?

---

18 (a) Di manakah Nora hilang?

[1]

---

(b) Bilakah dia hilang?

[1]

19 Bilakah ibu-bapa Nora sedar bahawa dia tidak bersama mereka?

[1]

---

20 Terangkan serba sedikit tentang pakaian Nora.

(i) ..... [1]

(ii) ..... [1]

21 Selepas gagal bertemu dengan Nora, apakah yang dilakukan oleh ibu-bapa Nora?

[1]

---

22 Apakah nasihat polis kepada ibu-bapa Nora?

[1]

---

23 (a) Apakah Nora sedang buat semasa dia dijumpai?

[1]

---

(b) Mengapakah dia berada di gerai itu?

[1]

[Jumlah: 10 markah]

**Latihan 2 Soalan 24**

**24** Anda mempunyai cita-cita tinggi. Dalam sepucuk surat kepada seorang kawan anda, anda menceritakan tentang cita-cita ini. Beritahu kawan anda:

- Apakah cita-cita anda, misalnya anda mahu menjadi doktor, pemain badminton atau lain-lain.
- Mengapa anda mahu mengejar cita-cita ini?
- Sifat-sifat apakah yang anda perlu untuk mencapai cita-cita ini?
- Apakah yang anda akan lakukan untuk mencapai cita-cita ini?

Panjangnya ialah antara 80-100 perkataan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[Jumlah: 15 markah]

**PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3**

**Bahagian 3****Latihan 1 Soalan 25-29**

Baca laporan dalam sebuah majalah remaja mengenai pengalaman seorang pelajar, Osman, yang bekerja semasa musim cuti dengan sebuah syarikat pelancongan. Jawab soalan-soalan berikut dengan menandakan jawapan yang betul.

Sejak saya berumur lima atau enam tahun, ibu-bapa saya sering membawa saya bercuti di beberapa tempat di dalam negeri. Tetapi setelah dewasa saya ingin pula untuk melawat negara-negara jiran. Sebagai seorang pelajar, saya terpaksa menyimpan cita-cita untuk melihat negara orang kerana belum lagi mempunyai wang yang cukup untuk melancong. Jadi, saya habiskan masa menonton dokumentari mengenai negara-negara yang indah dan melayari internet. Tetapi baru-baru ini sebuah iklan dalam sebuah majalah pelancongan menarik perhatian saya. Dan inilah peluang yang saya capai untuk menepati impian saya walaupun untuk sekejap waktu.

Selama tiga bulan semasa menunggu keputusan peperiksaan saya, saya telah berpeluang menikmati keindahan negara-negara jiran seperti Indonesia, Negara Thai, Vietnam dan juga Filipina.

Apa yang membolehkan saya membuat pekerjaan yang diperlukan oleh syarikat ini ialah pengetahuan saya yang meluas mengenai negara-negara di Asia Tenggara. Jadi, semasa temuduga saya telah ditanya mengenai pengetahuan saya tentang negara-negara jiran dan dengan yakinknya saya menjawab semua soalan.

Syarikat yang mengambil saya bekerja ini membawa para pelancong ke negara-negara jiran selama seminggu hingga sepuluh hari. Saya ditugaskan sebagai pembantu kepada pegawai yang mengiringi para pelancong ini. Para pelancong sanggup membayar untuk lawatan sebegini supaya segala-galanya sempurna. Misalnya, sebelum kami membuat pakej ke sesebuah tempat, saya ditugaskan untuk membuat penyelidikan mengenai tempat-tempat tersebut. Dari menyenaraikan tempat menarik ini untuk para pelancong sehingga ke mendapatkan tempat tinggal untuk mereka. Kalau makanan tidak sedap, orang akan membuat aduan dan mereka akan memilih syarikat lain. Tugas saya ialah untuk menganjurkan segala-galanya dengan baik supaya kami tidak mendapat aduan.

Semasa kami pergi ke Indonesia, saya telah mengiringi sekumpulan sepuluh orang ke Medan, Jakarta, Bali dan Jogjakarta. Dengan pengetahuan saya tentang tempat-tempat ini, saya dapat menceritakan sedikit sebanyak latar belakang tempat-tempat ini, misalnya mengenai Candi Borobodur di Jogjakarta.

Pengurus syarikat ini sangat kagum dengan kebolehan saya ini serta sifat saya yang ramah, yang memudahkan pergaulan dengan orang ramai, sehingga dia menyuruh saya kembali bekerja dengan syarikatnya apabila saya bercuti lagi. Saya tidak sabar lagi menunggu cuti saya.

**25 Bilakah keinginan Osman untuk melancong bermula?**

A	
---	--

Semasa kanak-kanak.

B	
---	--

Sebagai pelajar.

C	
---	--

Lima atau enam tahun dahulu.

D	
---	--

Baru-baru ini.

[2]

26 Mengapakah dia mendapat pekerjaan itu?

- A  Sebab kepakarannya mengguna komputer.
- B  Pengetahuannya mengenai negara-negara lain.
- C  Keputusan peperiksaannya.
- D  Dia bertanya kawan-kawan yang pernah melancong. [2]

27 Apakah yang ditugaskan oleh pengurus syarikat ini kepada penulis?

- A  Untuk mengutip tambang daripada para pelancong.
- B  Membawa para pelancong dari negara jiran ke sekeliling Malaysia.
- C  Membuat penyelidikan mengenai tempat-tempat yang akan dilawati.
- D  Menjawab surat aduan mengenai makanan. [2]

28 Apakah yang dinanti-nantikan oleh Osman?

- A  Pekerjaan sebagai pengurus syarikat itu.
- B  Pembukaan pejabat baru di Indonesia.
- C  Tamat sekolah dan mula bekerja dengan segera.
- D  Cuti seterusnya supaya dia boleh bekerja dengan syarikat tersebut. [2]

29 Pada pendapat anda, apakah sifat yang ada pada Osman?

- A  Rajin.
- B  Kacak.
- C  Sombong.
- D  Malas. [2]

[Jumlah: 10 markah]

## Latihan 2 Soalan 30-35

Baca surat di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Saroja Dewi,  
101 Lorong Anggun,  
Taman Setia,  
Syah Alam,  
Selangor.

14 Mac 2007

Kepada:  
Pengarah,  
Akademi Seni Lakon

Tuan/Puan,

Saya telah membaca iklan di sebuah akhbar tempatan bahawa Akademi Seni Lakon memerlukan skrip-skrip asal untuk dipentaskan. Saya telah lama menulis skrip dan cerita-cerita pendek kerana saya memang minat dalam bidang ini. Pada masa-masa lalu saya telah banyak menulis mengenai isu-isu alam sekitar. Karya-karya saya sekarang ini tertumpu kepada anak-anak muda dan keputusan yang mereka ambil mengenai masa depan mereka, tekanan yang mereka hadapi daripada keluarga, kawan-kawan dan guru.

Anda mungkin tahu mengenai kerja-kerja saya sebab beberapa cerpen saya telah diterbitkan dalam beberapa buah majalah dan telah mendapat perhatian beberapa orang penulis tempatan yang telah memberi saya sedikit sebanyak nasihat dan panduan dalam bidang ini.

Bersama surat ini saya kepilkan skrip drama saya yang berjudul, 'Pulanglah'. Ceritanya secara ringkas ialah mengenai seorang anak gadis yang sudah lama merajuk dengan ibu-bapanya kerana dia dipaksa untuk bertunang dengan sepupunya. Dia mahu meneruskan pelajarannya dan mengejar cita-citanya untuk menjadi doktor, namun ibu-bapanya mahu dia berkahwin dan menjadi seorang isteri yang baik.

Dia meninggalkan kampung halamannya serta ibu-bapanya untuk kepentingannya sendiri. Untuk meringkaskan cerita, dia telah menjadi doktor tetapi tidak lupa akan ibu-bapanya. Pada suatu hari dia terpaksa merawat seorang mangsa kemalangan, yang dia kenal.

Saya harap Tuan/Puan akan memberi pertimbangan terhadap permohonan saya ini. Saya sanggup menulis skrip-skrip baru untuk memenuhi permintaan Tuan/Puan dan saya juga ingin bekerja bersama para pelakon Akademi ini. Mungkin juga, pada suatu hari saya akan diberi peluang untuk mengarah pelakon-pelakon Akademi ini.

Saya menunggu surat balas dari pihak Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Saroja Dewi

30 Bagaimanakah Saroja tahu mengenai Akademi ini?

.....

31 Menurut Saroja, apakah masalah yang dihadapi oleh anak-anak muda sekarang?

(i) ..... [1]

(ii) ..... [1]

32 (a) Bagaimanakah karya-karya Saroja mendapat perhatian penulis-penulis tempatan?

..... [1]

(b) Mengapakah perhatian ini penting bagi Saroja?

..... [1]

33 Dalam cerpen Saroja mengapakah gadis itu meninggalkan ibu-bapanya?

(i) ..... [1]

(ii) ..... [1]

34 Apakah yang Saroja sanggup lakukan?

(i) ..... [1]

(ii) ..... [1]

35 Kebolehan apa lagikah yang Saroja mahu dalam bidang seni lakon?

..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

